

## HOBİ SAYA

1. Hobi saya ialah mengumpul setem.
2. Saya mula mengumpul setem sejak berumur lapan tahun.
3. Saya suka mengumpul setem kerana tertarik pada gambar yang terdapat pada setem.
4. Saya menggunting setem daripada sampul surat dan poskad.
5. Biasanya, saya akan bertukar-tukar setem dengan kawan-kawan.
6. Saya menyimpan setem-setem di dalam album.
7. Kini, saya telah mempunyai tiga buah album setem.
8. Adik saya juga turut mengikut jejak saya untuk mengumpul setem.
9. Kami selalu membelek album setem bersama-sama.
10. Saya berasa gembira melakukan hobi ini kerana dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.

1

## DIRI SAYA

1. Nama saya Muhammad Zaki.
2. Saya berumur sembilan tahun.
3. Saya belajar di Sekolah Kebangsaan Taman Indah.
4. Saya belajar dalam Tahun Tiga Gagah.
5. Nama ayah saya ialah Burhan.
6. Beliau bekerja sebagai ahli bomba.
7. Nama ibu saya pula ialah Fatimah.
8. Ibu saya seorang suri rumah.
9. Saya merupakan anak sulung daripada tiga orang adik-beradik.
10. Saya bercita-cita untuk menjadi seorang jurutera.

2

## CITA-CITA SAYA

1. Semua orang mempunyai cita-cita.
2. Cita-cita saya ialah menjadi seorang guru.
3. Sejak kecil, saya suka mengajar adik-adik saya di rumah.
4. Ibu saya juga seorang guru.
5. Oleh itu, saya menjadikan ibu saya sebagai idola.
6. Saya mahu menjadi guru Matematik.
7. Saya mahu mengajar kanak-kanak supaya mahir mengira.
8. Saya juga mahu membuka kelas tambahan bagi membantu kanak-kanak yang memerlukan.
9. Saya perlu belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita saya.
10. Saya berharap, cita-cita saya akan tercapai.

3

## MELANCONG KE MELAKA

1. Pada cuti sekolah yang lalu, ayah telah membawa saya sekeluarga melancong ke Melaka.
2. Saya dan adik berasa amat gembira kerana kami belum pernah menjejakkan kaki ke sana.
3. Kami tiba di Melaka pada pukul 10.00 pagi.
4. Ayah membawa kami ke Kota A'Famosa.
5. Kemudian, kami bertolak ke Muzium Rakyat untuk melihat barang yang dipamerkan.
6. Selepas itu, ayah membawa kami ke Dataran Pahlawan.
7. Kami dapat menaiki beca dan mengelilingi Bandar Melaka.
8. Sebelum pulang, kami makan malam di restoran.
9. Kami sempat singgah di gerai untuk membeli rantai kunci sebagai cenderahati kepada saudara-mara dan rakan-rakan.
10. Walaupun keletihan, namun saya berasa gembira kerana dapat mempelajari sejarah di Melaka.

4



## AKTIVITI GOTONG-ROYONG

1. Pada minggu lalu, saya dan keluarga telah menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan kami.
2. Aktiviti tersebut bermula pada pukul 8.00 pagi.
3. Para penduduk telah berkumpul di hadapan balai raya.
4. Mereka membawa peralatan seperti cangkul, sabit dan penyapu.
5. Kami mendengar taklimat daripada pengerusi taman.
6. Kami dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
7. Ada yang ditugaskan untuk menebas rumput, membersihkan parit yang tersumbat dan menanam pokok bunga.
8. Kumpulan saya ditugaskan untuk mencantas dan memangkas pokok bunga.
9. Setelah siap, kami menikmati jamuan tengah hari yang disediakan oleh kaum wanita.
10. Kemudian, kami pun bersurai setelah mengemas semua peralatan yang disediakan.

5

## HARI SUKAN SEKOLAH SAYA

1. Pada hari Sabtu yang lalu, sekolah saya telah mengadakan Hari Sukan.
2. Hari Sukan ini bermula pada pukul 8.00 pai.
3. Kami terus berbaris mengikut rumah sukan.
4. Kemudian, kami membuat perbarisan lintas hormat.
5. Guru besar telah merasmikan Hari Sukan itu.
6. Para peserta yang menyertai pertandingan begitu bersemangat.
7. Banyak acara yang diadakan seperti lumba lari, lompat tinggi dan lompat jauh.
8. Para penonton bertepuk tangan dan memberi sokongan kepada peserta.
9. Akhirnya, Rumah Merah telah muncul sebagai juara.
10. Guru besar telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

6

## BERKELAH DI TEPI PANTAI

1. Pada hujung minggu yang lalu, saya dan keluarga telah pergi berkelah.
2. Kami berkelah di Pantai Teluk Bahang.
3. Kami menaiki kereta ke sana.
4. Kami melihat ramai orang yang berkelah di situ.
5. Saya membantu ayah membawa barang ke bawah pokok.
6. Saya tidak sabar untuk berenang.
7. Saya berenang sambil diawasi oleh ayah.
8. Adik saya membina istana pasir manakala kakak mengutip kulit siput.
9. Setelah penat, kami berehat dan makan bekalan.
10. Selepas berkemas, kami pun pulang dengan hati yang gembira.

7

## BERCUTI DI KAMPUNG

1. Pada cuti sekolah yang lalu, saya telah pulang ke kampung untuk bercuti.
2. Ayah telah menghantar saya pulang ke kampung dengan menaiki kereta api.
3. Saya telah disambut oleh datuk di stesen kereta api.
4. Malam itu, nenek telah menghidangkan makanan malam yang sungguh sedap.
5. Keesokan pagi, saya telah mengikut datuk ke sawah.
6. Saya dapat melihat cara datuk membajak sawah menggunakan kerbau.
7. Saya juga dapat mandi sungai yang berdekatan dengan rumah datuk.
8. Pada waktu petang, saya membantu nenek menyapu halaman rumah dan memberikan dedak kepada ayam di reban.
9. Setelah dua minggu bercuti di kampung, akhirnya ayah pun menjemput saya pulang.
10. Saya berasa amat gembira dan ingin bercuti lagi di kampung pada masa hadapan.

8



## HARI JADI SAYA

1. Hari ini hari jadi saya.
2. Saya bangun awal kerana ibu akan mengadakan sambutan hari jadi saya.
3. Saya membantu abang meniup belon untuk menghias ruang tamu.
4. Ibu dan kakak pula sibuk di dapur untuk menyediakan makanan.
5. Ayah telah ke kedai kek untuk membeli kek hari jadi saya.
6. Pada pukul 3.00 petang, kawan-kawan saya pun datang.
7. Mereka telah menyanyikan Lagu Hari Jadi dan bertepuk tangan.
8. Saya pun meniup lilin di atas kek dengan kuat.
9. Kemudian, kami menikmati kek dan makanan yang dihidangkan.
10. Saya berasa sangat gembira kerana mendapat banyak hadiah.

9

## MEMBANTU DATUK DI PASAR PAGI

1. Saya bangun awal pagi dan terus bersiap.
2. Saya telah berjanji dengan datuk untuk membantunya berniaga di pasar pagi.
3. Datuk telah menjemput saya dengan sebuah van.
4. Van itu dipenuhi dengan pelbagai sayur.
5. Setibanya di pasar pagi, saya membantu datuk memungkah dan menyusun sayur di gerai.
6. Ada sayur sawi, bayam, terung, salad dan kangkung.
7. Suasana di pasar pagi riuh-rendah.
8. Banyak orang yang datang ke gerai datuk untuk membeli sayur.
9. Sayur yang dijual oleh datuk segar dan murah.
10. Saya berasa sangat gembira kerana dapat membantuk datuk berniaga.

10

## KEBAIKAN BUAH-BUAHAN TEMPATAN

1. Malaysia kaya dengan buah-buahan tempatan.
2. Antara contoh buah-buahan tempatan ialah ciku, manggis, rambutan dan langsung.
3. Kita digalakkan makan buah-buahan tempatan kerana mengandungi banyak khasiat.
4. Selain itu, buah-buahan masih segar kerana tidak perlu diimport.
5. Buah-buahan yang segar tentunya mengandungi zat dan vitamin yang lebih tinggi.
6. Kita juga mudah untuk mendapatkan buah-buahan tempatan seperti pisang dan betik.
7. Pokok buah-buahan seperti pisang boleh ditanam di sekeliling rumah.
8. Ini boleh membantu kita menjimatkan wang.
9. Kita juga boleh menambahkan pendapatan dengan menjual hasil tanaman kita.
10. Kesimpulannya, buah-buahan tempatan mempunyai banyak kebaikannya.

11

## FAEDAH MENABUNG

1. Menabung ialah menyimpan wang untuk kegunaan pada masa hadapan.
2. Menabung mempunyai banyak faedah.
3. Kita dapat mengamalkan sikap berjimat-cermat contohnya dengan membawa bekalan makanan ke sekolah.
4. Oleh itu, wang saku kita dapat disimpan ke dalam tabung.
5. Apabila kita menabung, kita mempunyai wang simpanan.
6. Wang simpanan ini boleh digunakan untuk membeli barang keperluan tanpa perlu menyusahkan ibu bapa.
7. Selain itu, wang simpanan boleh digunakan semasa melanjutkan pelajaran.
8. Menabung juga dapat membantu keluarga apabila ditimpa kesusahan.
9. Jika berlaku sesuatu kemalangan, kita boleh menggunakan wang tabungan.
10. Kesimpulannya, amalan menabung perlu dimulakan bak pepatah "sedikit-dikit, lama-lama jadi bukit".

12



## FAEDAH MEMBACA

1. Membaca amalan yang baik.
2. Terdapat pelbagai bahan bacaan seperti buku, majalah, surat khabar, komik dan risalah.
3. Melalui amalan membaca, kita dapat menambahkan pengetahuan.
4. Dengan membaca surat khabar, kita dapat mengetahui berita semasa.
5. Ini dapat mengelakkan kita daripada menjadi seperti katak di bawah tempurung.
6. Kita juga boleh membaca komik untuk menghilangkan rasa bosan.
7. Oleh itu, kita dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.
8. Selain itu, kita dapat belajar banyak kosa kata baharu.
9. Ini dapat membantu kita untuk menulis karangan dengan lebih baik.
10. Kesimpulannya, amalan membaca perlu dipupuk sejak kecil lagi.

13

## KEPENTINGAN AIR

1. Air sangat penting kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.
2. Tanpa air, kita akan mati.
3. Air diperolehi daripada pelbagai sumber seperti laut, sungai, tasik dan air hujan.
4. Air digunakan oleh manusia untuk minum, memasak, mandi dan mencuci pakaian.
5. Bekalan air perlu bersih supaya manusia tidak akan dijangkiti penyakit.
6. Petani memerlukan air untuk menyiram sayur-sayuran.
7. Penternak juga perlukan air untuk haiwan ternakan mereka seperti lembu, kambing dan ayam.
8. Selain itu, air digunakan untuk menjana kuasa elektrik.
9. Sememangnya, kepentingan air memang tidak dapat dinafikan.
10. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa berjimat-cermat semasa menggunakan air.

14

## CARA-CARA MENGHORMATI ORANG YANG LEBIH TUA

1. Kita patutlah menghormati orang yang lebih tua daripada kita.
2. Terdapat banyak cara yang boleh kita lakukan untuk menghormati orang yang lebih tua.
3. Antaranya, kita boleh membantu mereka ketika mereka membawa barang yang banyak.
4. Selain itu, jika tempat duduk di dalam bas penuh, kita boleh mempelawa orang yang lebih tua untuk duduk.
5. Kita juga patut bercakap dengan sopan semasa berbual dengan orang yang lebih tua.
6. Kita tidak seharusnya meninggikan suara apabila berbual dengan mereka.
7. Sekiranya berjumpa dengan orang yang lebih tua, kita boleh memberikan ucapan selamat sebagai tanda hormat.
8. Di samping itu, kita boleh bersalaman dengan mereka dan bertanya khabar.
9. Amalan menghormati orang tua ini patut disemai sejak kecil lagi.
10. Bak pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

15

## KEBAIKAN KOKURIKULUM

1. Kokurikulum ialah aktiviti di luar bilik darjah.
2. Aktiviti ini dapat melahirkan murid yang cemerlang dari pelbagai aspek.
3. Antara kebaikan aktiviti kokurikulum ialah dapat mengisi masa lapang murid.
4. Ini dapat mengelakkan mereka daripada terjebak melakukan perkara yang tidak berfaedah.
5. Selain itu, murid juga akan menjadi lebih berdisiplin.
6. Contohnya, melalui aktiviti kawad kaki, murid perlu patuh pada arahan yang diberikan.
7. Di samping itu, murid dapat menambah banyak pengalaman apabila persatuan mengadakan lawatan sambil belajar ke sesuatu tempat.
8. Kokurikulum juga menyebabkan murid dapat mengenali lebih ramai kawan daripada pelbagai kaum.
9. Kesannya, perpaduan antara kaum dapat dipupuk.
10. Kesimpulannya, setiap murid haruslah menyertai aktiviti kokurikulum kerana terdapat banyak kebaikannya.

16



## CARA-CARA MENJAGA KESIHATAN

1. Kesihatan amat penting kepada setiap orang.
2. Oleh itu, kita mestilah menjaga kesihatan diri supaya terhindar daripada penyakit.
3. Kita hendaklah makan makanan yang berkhasiat untuk menjaga kesihatan.
4. Kita juga mestilah makan makanan yang seimbang supaya tubuh mendapat zat yang secukupnya.
5. Selain itu, kita perlulah menjaga kebersihan diri.
6. Kita perlu mandi dan menggosok gigi pada setiap hari untuk mengelakkan pembiakan kuman.
7. Seterusnya, kita hendaklah bersenam sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.
8. Apabila bersenam, peluh akan keluar lalu menyingkirkan toksin di dalam badan.
9. Kesannya, kita dapat mengelakkan penyakit berbahaya seperti darah tinggi dan penyakit jantung.
10. Kesimpulannya, marilah kita menjaga kesihatan demi kesejahteraan hidup.

19

## CARA-CARA MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN

1. Jiran ialah orang yang tinggal berhampiran dengan rumah kita.
2. Sekiranya kita mengalami masalah, jiran yang akan menghulurkan bantuan kepada kita.
3. Oleh itu, semangat kejiranan mestilah dipupuk dalam kalangan masyarakat.
4. Antaranya, kita boleh mengadakan aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan.
5. Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan dengan jiran.
6. Seterusnya, kita boleh mengadakan rumah terbuka semasa musim perayaan dan menjemput jiran-jiran.
7. Majlis ini memberi peluang untuk kita saling berkenalan dan mengenali adat budaya kaum lain.
8. Selain itu, kita mestilah mengamalkan sikap bertolak ansur.
9. Ini dapat membina hubungan yang baik dengan jiran.
10. Kesimpulannya, semangat kejiranan amat penting dan mesti dipupuk demi keharmonian hidup bermasyarakat.

20

## FAEDAH BERSUKAN

1. Bersukan merupakan aktiviti yang boleh menyihatkan badan.
2. Aktiviti bersukan yang boleh dilakukan adalah seperti bersenam, berjoging dan berbasikal.
3. Melalui bersukan, banyak faedah yang dapat kita peroleh.
4. Antaranya, kita dapat menyihatkan tubuh badan.
5. Apabila bersukan, tubuh akan mengeluarkan peluh.
6. Oleh itu, kita akan menjadi lebih sihat.
7. Seterusnya, semasa bersukan, kita boleh berkenalan dengan sesiapa sahaja.
8. Contohnya semasa berjoging di taman atau di kawasan perumahan.
9. Di samping itu, kita juga dapat mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.
10. Kesimpulannya, banyak manfaat yang dapat diperolehi apabila kita aktif bersukan.

17

## AMALAN BERJIMAT-CERMAT

1. Berjimat-cermat merupakan amalan yang mulia.
2. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk berjimat-cermat.
3. Antaranya, kita boleh membawa bekal makanan ke sekolah untuk menjimatkan wang.
4. Wang saku boleh disimpan ke dalam tabung.
5. Selain itu, kita patut mengelakkan membeli barang yang tidak diperlukan.
6. Hal ini dapat mengelakkan pembaziran.
7. Di samping itu, kita perlu menjimatkan penggunaan air dan elektrik.
8. Ini dapat mengurangkan pembayaran bil utiliti pada setiap bulan.
9. Akhir sekali, kita perlu elakkan membeli makanan ringan kerana tidak berkhasiat dan akan memudaratkan kesihatan kita.
10. Kesimpulannya, kita mestilah berjimat kerana amalan ini mendatangkan banyak kebaikan kepada kita.

18



## PERISTIWA BANJIR

1. Hujan yang turun beberapa hari tanpa henti menyebabkan air mulai naik.
2. Bapaku menyuruh kami mengemas barang yang penting kerana kampung kami telah dilanda banjir.
3. Aku menolong ibu mengemas barang manakala ayah menelefon anggota penyelamat untuk meminta bantuan.
4. Tidak lama kemudian, sebuah bot penyelamat tiba untuk memindahkan kami ke balai raya.
5. Banyak orang berkumpul di balai raya.
6. Kami mendapat bantuan makanan, selimut dan ubat-ubatan.
7. Suasana di balai raya riuh-rendah.
8. Selepas beberapa hari, banjir mulai surut.
9. Kami telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.
10. Kami membersihkan rumah yang kotor sebaik-baik sahaja pulang.

## MELAWAT JIRAN DI HOSPITAL

1. Pada suatu hari, saya telah mengikut ibu ke hospital.
2. Kami ingin melawat jiran kami, Mak Cik Suraya yang menghidapi demam denggi.
3. Sebelum tiba di hospital, ibu telah membeli buah-buahan sebagai buah tangan.
4. Apabila sampai, kami nampak banyak pelawat datang ke hospital.
5. Kami juga melihat banyak pesakit di dalam wad.
6. Kami terus menuju ke wad Mak Cik Suraya.
7. Ibu saya memberikan buah tangan kepada Mak Cik Suraya.
8. Kesihatan Mak Cik Suraya sudah beransur pulih.
9. Selepas 30 minit berada di hospital, kami pun meminta diri.
10. Kami berdoa agar Mak Cik Suraya akan segera sembuh.

## PERSIAPAN SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA

1. Tahun Baharu Cina akan menjelang tidak lama lagi.
2. Saya sekeluarga membuat pelbagai persiapan sebelum Tahun Baharu Cina.
3. Ibu dan ayah telah membawa kami ke kompleks beli-belah untuk membeli baju dan kasut baharu.
4. Seterusnya, kami bergotong-royong membersihkan rumah.
5. Kami juga mengecat dinding rumah yang pudar.
6. Kakak menggubah bunga untuk menghias ruang tamu.
7. Ibu pula menggantung langsir baharu.
8. Ibu turut membuat kuih dan biskut untuk dihidangkan kepada tetamu.
9. Saya membantu ibu menyimpan biskut ke dalam balang.
10. Saya berasa gembira dan tidak sabar-sabar menunggu ketibaan Tahun Baharu Cina.

BBM CIKGU NOR

## BERCUTI DI TANAH TINGGI CAMERON

1. Pada cuti sekolah yang lalu, ayah telah membawa kami sekeluarga bercuti di Tanah Tinggi Cameron.
2. Jalan ke Tanah Tinggi Cameron bengkok-bengkok bagai ular kena palu.
3. Sepanjang perjalanan, kami dapat melihat pemandangan yang indah nian.
4. Kami menginap di sebuah hotel di Brinchang selama dua malam.
5. Udara di sini nyaman dan segar.
6. Setelah berehat, kami pun memulakan lawatan ke ladang teh di lereng bukit.
7. Ladang teh itu luas bagai lautan.
8. Keesokannya, kami melawat ke ladang strawberi.
9. Kami berpeluang memetik buah strawberi itu sendiri dan menikmati buahnya yang manis dan ada juga yang masam macam cuka.
10. Sebelum pulang, kami membeli sedikit cenderamata dan bergambar sebagai kenangan.

BBM CIKGU NOR



## MENYELAMATKAN ANAK KUCING

1. Semasa pulang dari sekolah, saya terdengar bunyi anak kucing mengiau.
2. Saya mencari arah bunyi tersebut dan ternampak seekor anak kucing berada di dalam longkang.
3. Anak kucing itu kotor dan basah.
4. Saya amat kasihan lalu turun ke dalam longkang dan mengeluarkan anak kucing itu untuk dibawa pulang ke rumah.
5. Saya memandikan anak kucing itu dan memberi susu kepadanya.
6. Saya meminta izin daripada ibu untuk membelanya.
7. Ibu telah bersetuju dan saya berasa amat gembira.
8. Saya menamakan anak kucing itu Si Comel.
9. Setiap hari, saya akan bermain dengan Si Comel setelah pulang dari sekolah.
10. Saya berharap agar Si Comel akan sentiasa sihat.

BBM CIKGU NOR

## AZLAN YANG DEGIL

1. Azlan seorang budak yang keras kepala.
2. Dia selalu menunggang basikal dengan laju.
3. Ibunya selalu menasihati Azlan, namun dia tidak mengendahkan nasihat ibunya itu.
4. Pada suatu hari, Azlan hendak ke kedai untuk membeli minuman.
5. Dia pun menunggang basikalnya dengan laju.
6. Apabila menuruni kawasan berbukit, dia mengayuh basikalnya dengan lebih laju lagi.
7. Malang tidak berbau apabila dia tidak dapat mengawal basikalnya lalu terbabas dan terjatuh ke dalam semak.
8. Dia melihat banyak darah yang mengalir di kepalanya lalu terus pengsan.
9. Apabila sedar, dia mendapati dirinya berada di hospital dan ditemani ibunya.
10. Dia berasa menyesal dan terus meminta maaf daripada ibunya.

26

BBM CIKGU NOR

## PENGALAMAN KE PASAR MALAM

1. Pada hari minggu yang lalu, saya mengikut ibu pergi ke pasar malam.
2. Pasar malam ini dikunjungi oleh ramai penduduk setempat.
3. Suasana di pasar malam riuh-rendah dan agak sesak.
4. Di sini ada menjual pelbagai jenis barangan dengan harga yang berpatutan.
5. Ada gerai yang menjual sayuran, kuih-muih, pakaian dan daging.
6. Barangan harian yang dijual di sini segar dan ada banyak pilihan.
7. Semasa berjalan-jalan, ibu memegang tangan saya dengan erat.
8. Ibu berpesan agar saya tidak leka untuk mengelakkan daripada diculik atau pun terpisah.
9. Saya membantu ibu membawa beberapa plastik berisi barangan yang dibeli.
10. Selepas membeli semua barangan, kami pun pulang ke rumah.

## DISENGAT TEBUAN

1. Setiap hujung minggu, Amir akan melakukan aktiviti kegemarannya iaitu melastik burung.
2. Walaupun telah dinasihati oleh ibunya agar tidak melastik burung, namun Amir masih berdegil.
3. Amir akan ditemani oleh dua orang kawan baiknya untuk masuk ke hutan.
4. Pada hari itu, Amir melihat dua ekor burung pipit bertenggek di atas dahan.
5. Tanpa membuang masa, Amir terus melastik burung itu lalu ketawa bangga apabila kedua-dua ekor burung itu jatuh ke atas tanah.
6. Tiba-tiba beberapa ekor tebuhan terbang ke arah Amir dan kawan-kawannya lalu menyengat mereka.
7. Mereka segera berlari ke arah sungai yang berdekatan dan terus terjun ke dalam air untuk menyelamatkan diri.
8. Badan Amir terasa sangat sakit akibat disengat tebuhan.
9. Akibat peristiwa itu, Amir dan kawan-kawannya dirawat di hospital.
10. Sejak itu, Amir berjanj tidak akan melastik burung lagi.



## LEMAS DI SUNGAI

1. Pada cuti sekolah yang lalu, aku dan Malik memancing ikan di sungai yang berdekatan rumah.
2. Ketika tiba di sungai, kami melihat banyak kanak-kanak yang sedang mandi-manda.
3. Kami pun memancing di bawah sebatang pokok yang rendah.
4. Semasa sedang asyik memancing, tiba-tiba kami mendengar suara kanak-kanak menjerit meminta tolong.
5. Kami segera berlari dan ternampak seorang kanak-kanak kelemasan.
6. Tanpa berfikir, Malik terus terjun untuk menyelamatkan kanak-kanak itu.
7. Aku terus mencari kayu untuk membantu Malik menarik kanak-kanak itu ke tebing sungai.
8. Mujur ada seorang pemuda yang ternampak kejadian itu dan membantu kami.
9. Akhirnya, kanak-kanak itu berjaya diselamatkan.
10. Kami berasa sangat bersyukur kerana kanak-kanak itu selamat.

## RUMAH TERBAKAR

1. Pada suatu petang, aku menunggang basikal pulang dari latihan bola sepak.
2. Dalam perjalanan pulang, aku ternampak asap hitam berkepul-kepul di udara.
3. Aku segera menuju ke arah punca asap itu.
4. Aku begitu terkejut apabila melihat asap itu datang dari rumah jiranku.
5. Api marak menjilat rumah kayu milik Pak Omar.
6. Kelihatan penduduk kampung membantu untuk memadamkan api.
7. Tidak lama kemudian, bunyi siren bomba kedengaran.
8. Jentera bomba tiba dan anggota bomba segera menjalankan tugas mereka untuk memadamkan kebakaran.
9. Akhirnya, api berjaya dipadamkan.
10. Pak Omar berasa bersyukur kerana semua ahli keluarganya selamat walaupun rumahnya sudah musnah dalam kebakaran.